

Demonstrasi Kata dua PM

DATUK SRI
DR. MAHATHIR

IPOH 24 Dis. - Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi kata dua kepada puak-puak pelampau dan golongan yang wring mengadakan demonstrasi untuk menuntut sesuatu supaya menghentikan segera kegiatan mereka dengan mencukur corak perjuangan atau menghadapi tindakan yang pahit.

"Katanya, mereka janganlah lagi mengambil kesempatan dari sikap sederhana yang diamalkan oleh kerajaan pimpinan UMNO sekarang.

"UMNO mengamalkan sikap sederhana bagi menjamin kesejahteraan seluruh rakyat di negara ini hingga sikap yang demikian menjadi contoh kepada dunia dalam amalan demokrasi, keharmonian berbilang kaum dan sebagainya," tegasnya.

Beliau yang juga Presiden UMNO menambah jika sikap sederhana yang

Oleh
Abdul Razak Hussein

diamalkan itu dicabar dengan membara semangat perkauman dan melampau-pai batas, "kita akan lupa bahawa kita ini jadi contoh dunia itu."

Berucap di majlis jamuan makan tengah hari di Dewan Bandaran Ipoh anjuran UMNO bahagian Kinta hari ini Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan ucapannya itu telah difikir dengan serius dan masak-masak terlebih dahulu.

Katanya, jangan sangka orang yang selalu senyum dan riang ketawa tidak berani bertindak tegas.

Datuk Sri Dr. Mahathir berharap kedua-dua pihak yang tidak dinamakan itu tidak akan cuba meniupkan api perkauman.

Pristiwa 13 Mei harus jangan dilupakan begitu sahaja dan harus diambil kira untuk dijadikan sempadan.

Kalau nak lawan dengan demonstrasi, jangan sangka UMNO tak boleh buat demonstrasi, malah boleh buat lebih hebat dari mereka buat. Kalau hendak lawan perkauman UMNO boleh buat lebih dari apa yang mereka laksanakan.

"Tetapi kerana UMNO mengamalkan sikap sederhana dan bertanggungjawab terhadap tindak-tanduknya,

terutama kepentingan keharmonian kaum di negara ini, maka UMNO tidak bertindak mengikut hawa nafsu," tegasnya.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, UMNO bukannya tamak kuasa untuk memerintah, malah rekod pemerintahannya selama ini telah membuktikan sikap sederhana UMNO itu sendiri.

Bagaimanapun, tambahnya lagi, sikap sederhana ini sering diancam oleh pelampau dan tujuan pelampau itu ialah untuk menghasut orang-orang yang sederhana supaya jadi pelampau.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyeru ahli-ahli UMNO supaya jangan goncang menghadapi tindakan pelampau ini.

"Tidak guna bercakap macam keladai, tetapi biarlah amalan sikap sederhana itu dikekalkan dan jika berjalan lantai jangan berbunyi," tegasnya.

Beliau juga memberi jaminan bahawa puak-puak pelampau seperti itu akan ditentang habis-habisan.

"Kita tidak sanggup lagi melihat golongan pelampau ini yang bersembahyang dua imam, tidak sanggup lagi melihat mereka ini menikahkan orang yang sudah nikah. UMNO mesti menentang golongan ini habis-habisan.

Katanya, dulu tak ada timbul dua imam, tak ada timbul dua kali nikah seperti yang dihadapi sekarang.